

BAB III

KANDUNGAN AUKU

Semenjak detik penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti pada tahun 1971 lagi, sehingga kemudian diperketatkan cengkamannya pada tahun 1975, banyak perbincangan termasuk pandangan diberikan oleh pelbagai pihak seakan-akan tiada penghujungnya. Tumpuan dalam bab ini ialah kepada membincangkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang dilihat mempunyai kaitan dengan aspek kebebasan pelajar. Aspek kebebasan pelajar ini dibahagikan mengikut pecahan kebebasan mengadakan perhimpunan dan sebagainya, kebebasan mengeluarkan kenyataan, kebebasan mengeluarkan risalah, kebebasan memungut wang dan larangan-larangan am yang berkaitan kebebasan pelajar.

Golongan pelajar harus peka dengan hak-hak mereka agar selaras dengan amalan demokrasi yang dipraktikkan di negara ini. Adalah diharapkan perbincangan dalam bab ini menjadi panduan kepada golongan pelajar khususnya untuk lebih mengenali kandungan sebenar AUKU yang telah mencabuli kebebasan setiap mahasiswa di negara ini.

Sudah lebih dua puluh enam tahun AUKU mengambil alih peranan sebagai 'perancang' dan 'penyelaras' kepada kehidupan dan kegiatan penghuni-penghuni kampus di negara ini. Sama ada mengaku atau tidak, masyarakat kampus harus menelan kenyataan bahawa kuasa untuk menentukan dan melakukan sesuatu bukan lagi mutlak kepunyaan mereka. Ia sebaliknya dengan rasmi telah berpindah tangan sejajar dengan pembentukan badan Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada tahun 1975 selepas pindaan AUKU pada tahun tersebut. Kini setiap tindakan mahasiswa dikawal sepenuhnya melalui kewujudan akta tersebut.

Beberapa peruntukan dalam AUKU secara jelas menghapuskan kebebasan seseorang penuntut di institusi pengajian tinggi di negara ini. Akta Universiti dan Kolej Universiti sengaja diwujudkan dengan pelbagai alasan demi

memenuhi berbagai kepentingan. Pelbagai faktor dijadikan alasan oleh pemerintah untuk menggubal AUKU pada tahun 1971.⁵¹

Sehingga hari ini terdapat dua undang-undang yang berkaitan dengan penyelenggaraan, pengurusan dan pengawalan semua institut pengajian tinggi di negara ini. Undang-undang yang dimaksudkan itu ialah AUKU dan Kaedah Tatatertib Pelajar bagi setiap universiti tempatan. Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Kaedah Tatatertib Pelajar adalah dua undang-undang yang berbeza walaupun kewujudannya mempunyai kaitan antara kedua-duanya.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dikenali "Akta ibu"⁵² atau induk selepas pindaan 1975 adalah suatu akta yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen negara ini.⁵³ Demikian itu, setiap proses untuk meminda ataupun membubarkannya hendaklah melalui prosedur Parlimen. Manakala Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) dan Kaedah Tatatertib Kakitangan (1979) pula adalah undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Universiti (setiap universiti) sebagaimana penurunan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 16C Akta Universiti

⁵¹ Lihat perbincangan tentang faktor-faktor yang membawa kepada penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1975) dalam bab kedua kajian ini.

⁵² Akta Ibu juga mengandungi perlembagaan bagi setiap universiti yang dimaksudkan.

⁵³ Hashim Hussin Hj. Yaacob. "Pindaan Kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975: Satu Cadangan dan Masalahnya". Kertas-Kertas Seminar Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 27hb. Februari - 1hb. Mac 1987. Bangi: Seminar AUKU. 1987. m.s 3-4.

dan Kolej Universiti 1971.⁵⁴ Memandangkan proses penggubalan dan kelulusannya tidak melibatkan Parlimen, Menteri Pendidikan Malaysia mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan apa-apa berkaitan dengannya.

3.1 Kandungan AUKU

Maka maksud dalam perbincangan ini apabila ianya melibatkan AUKU, ianya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 dan Kaedah Tatatertib Pelajar 1975. Jelas bahawa perbincangan adalah merangkumi kedua-duanya iaitu mengenai Akta Ibu dan Kaedah Tatatertib Pelajar.

Sememangnya AUKU dan Kaedah Tatatertib Pelajar mempunyai banyak bahagian iaitu mengenai pelajar, kakitangan, soal hak asasi manusia, keadilan semulajadi (*natural justice*) dan pentadbiran keadilan (*administration of justice*). Ini boleh dibahagikan :⁵⁵

1. Hak dan tanggungjawab kakitangan dan pelajar. Perkara ini mendefinisikan 'guru' dan 'pelajar' dan banyak mengandungi aspek-aspek negatif, iaitu melarang (dont's) dan bukan aspek-aspek positif (do's).

⁵⁴ Lihat Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 dalam Lampiran A.

⁵⁵ Sanusi Osman. "Kenapa AKU Ditentang?". Kertas-Kertas Seminar Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 27hb. Februari - 1hb. Mac 1987. Bangi: Seminar AUKU. 1987. m.s 4.

2. Struktur dan jawatan: Ia menentukan Lembaga (statues) seperti definisi Senat dan Lembaga Pengajian (Fakulti). Ia turut mendefinisikan institusi penting dalam universiti termasuklah jawatan-jawatannya seperti Canselor, Naib Canselor, Timbalannya, Dekan dan Ketua-ketua Jabatan. Jawatan-jawatan pentadbiran dibezakan pula dengan jawatan-jawatan akademik.

3. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Kakitangan. Jawatankuasa ini terdiri dari pegawai-pegawai universiti yang mengendalikan segala kes disiplin bagi pelajar dan kakitangan. Peraturan tatatertib dilaksanakan di bawah jawatankuasa ini.

4. Hubungan dengan kerajaan. Hubungan ini adalah dengan Menteri Pendidikan dari segi perlantikan dan pembuat dasar.

Kaedah Tatatertib Pelajar (Kaedah-Kaedah Universiti Malaya) pula mempunyai tujuh bahagian. Bahagian pertama adalah Bahagian I atau dikenali sebagai Permulaan. Hanya ada dua seksyen dalam bahagian ini iaitu menjelaskan makna perkataan dan rangkaikata yang berkaitan dengan teks tersebut.

Bahagian kedua adalah bahagian Tatatertib Am. Bahagian ini mempunyai dua puluh satu seksyen kesemuanya. Antara perkara-perkara yang dinyatakan di sini ialah berkenaan dengan larangan-larangan am, menghadiri kuliah, memasuki peperiksaan, sekatan mengenai penggunaan teks kuliah dan sebagainya, larangan berorganisasi dan perhimpunan-perhimpunan, aktiviti-aktiviti luar kampus, rayuan-rayuan dan lain-lain lagi.

Kaedah Tatatertib Asrama diletakkan dalam bahagian ketiga. Ianya mengenai penggunaan bilik penginapan dan premis asrama, kuasa pengetua dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa dan sebagainya. Bahagian Tatatertib Asrama melibatkan lapan seksyen keseluruhannya. Bahagian keempat dikenali sebagai Tatatertib Lalulintas Jalan mengandungi lapan seksyen. Bahagian ini menerangkan peraturan lalu lintas jalan dalam kampus.

Kandungan dalam bahagian kelima Kaedah Tatatertib Pelajar pula adalah mengenai acara tata tertib. Sembilan belas syeksyen yang terdapat dalam bahagian ini menumpukan kepada prosedur-prosedur dalam perbicaraan dan hukuman kepada pelajar-pelajar yang bersalah kerana melanggar tindakan tatatertib yang sedia ada. Kemudiannya iaitu dalam bahagian keenam, terdapat empat seksyen berkenaan rayuan iaitu notis rayuan dan kuasa menteri terhadap rayuan. Akhirnya bahagian ketujuh menjelaskan tanggungan bagi mahasiswa

yang telah dikenakan tindakan tatatertib di bawah kuatkuasa undang-undang tersebut.⁵⁶

3.2 AUKU Dan Kebebasan Pelajar

Semenjak wujudnya AUKU pada 1971 sehingga 1975 pindaan malah hingga ke saat ini, soal kebebasan pelajar sering menjadi topik utama berbanding soal-soal lain yang berkaitan dengan AUKU. Bukan sedikit seminar, persidangan, kertas kerja dan sebagainya lagi yang telah dianjurkan oleh pelbagai pihak demi untuk mengupas persoalan yang belum terjawab ini.

Kepentingan kebebasan bukanlah persoalannya sekarang kerana ia adalah nadi kehidupan setiap makhluk bernyawa di dunia ini. Cuma yang menjadi masalahnya ialah bagaimana kebebasan itu difahami mengikut tafsiran dan pandangan masing-masing.

"Kebebasan adalah asas penting dalam demokrasi. Kebebasan berkait dengan soal hak dan tanggungjawab manusia, ia bergantung kepada bebasnya seseorang itu mendapat haknya dan menunaikan segala tanggungjawabnya"⁵⁷

⁵⁶ Abd. Rahman Sulaiman. "Mahasiswa Sebagai Jurubicara Masyarakat: Sejauhmanakah Keberkesanannya Selepas Akta?". Kertas-Kertas Seminar Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 27hb. Februari - 1hb. Mac 1987. Bangi: Seminar SAUKU. 1987. m.s 2.

⁵⁷ Noraini bt. Ismail. "Kebebasan Rakyat Dalam Sistem Demokrasi di Malaysia: Satu Kajian Dari Perspektif Islam". Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 1995. m.s 44.

Kandungan AUKU itu sendiri jika diteliti akan memperlihatkan bahawa bukan semua seksyen menyentuh aspek kebebasan pelajar. Hanya beberapa peruntukan sahaja yang secara khusus melibatkan aspek kebebasan pelajar. Antara aspek yang berkaitan secara langsung dengan kebebasan pelajar ialah seperti larangan mengorganisasikan perhimpunan dan sebagainya, larangan mengeluarkan kenyataan tertentu, larangan menerbitkan risalah dan larangan bagi memungut wang.⁵⁸

3. 2. 1 Larangan Mengorganisasikan Perhimpunan Dan Sebagainya

Larangan-larangan yang ditujukan secara langsung bagi menyekat pelajar dari mengadakan sebarang organisasi atau perhimpunan terdapat dalam seksyen-seksyen berikut:

1. Seksyen 3 (f), Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan untuk sebarang tujuan mengorganisasikan, mengapikan atau memboikot peperiksaan, kuliah, tutorial atau lain-lain aktiviti yang dijalankan dengan atau melalui kebenaran universiti.

⁵⁸ Rizal Armat. "Gerakan Pelajar Sebelum dan Selepas Akta universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975: Satu Kajian Khusus di Universiti Malaya". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Syariah. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 1996. m.s 22.

2. Seksyen 7 (1) dan (3), Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan bagi tujuan berorganisasi, perhimpunan dan sebagainya termasuk kehadiran pelajar dalam aktiviti seumpamanya kecuali dengan kebenaran Naib Canselor.
3. Seksyen 8, Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan memiliki, mempunyai dan menggunakan pembesar-pembesar suara atau lain-lain alat seumpamanya kecuali mendapat kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu.
4. Seksyen 9, Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan membuat, menggunakan, menunjukkan, mempunyai sepanduk-sepanduk, plakad dan sebagainya.
5. Seksyen 11, Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan terhadap seorang individu atau kumpulan pelajar, pertubuhan atau badan mengadakan sebarang aktiviti di luar kampus kecuali yang berkaitan personal atau persendirian.
6. Seksyen 15 (1) dan (2), AUKU (Pindaan) 1975 - larangan terhadap pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar daripada bersekutu dengan mana-mana persatuan-persatuan, parti politik, kesatuan sekerja dan

sebagainya sama ada di dalam atau di luar universiti, kecuali dengan peruntukan Perlembagaan atau melalui kebenaran Naib Canselor.

Sudah tentu sesiapa yang membaca kandungan dalam seksyen-seksyen di atas akan rasa terpegun bagaimana mahasiswa-mahasiswa universiti tempatan dapat melibatkan diri dalam dunia politik. Larangan persatuan atau badan-badan pelajar bersekutu atau bergabung dengan mana-mana pihak sama ada di dalam atau di luar universiti juga tentulah tidak praktikal kerana dalam usaha menimba pengalaman di samping pengetahuan yang sedia ada, pendedahan kepada dunia luar melalui organisasi yang lebih besar dan tersusun adalah suatu kelebihan yang kadang-kala menjadi kemestian. Ini jelas melalui tindakan mengharamkan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia (PKPM) selepas AUKU wujud.⁵⁹ Hakikat yang perlu diterima di sebalik halangan mengadakan kerjasama dan gabungan ini ialah mahasiswa-mahasiswa tempatan akan terus ketandusan pendedahan di samping tiada kerjasama, cabaran kepimpinan dan pertukaran pendapat sama ada di peringkat kebangsaan mahupun global. Menyedari hal ini, Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) telah menggesa beberapa peruntukan yang mengongkong kegiatan pelajar mencari wang dan memberi sokongan pada badan-badan di luar kampus serta

⁵⁹ Sanusi Osman. "Kenapa AUKU Ditentang?". Kertas-Kertas Seminar Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 27hb. Februari - 1hb. Mac 1987. Bangi: Seminar AUKU. 1987. m.s 4-5.

pemberian kuasa pada Naib Canselor untuk gantung pertubuhan atau persatuan pelajar dihapuskan segera demi kebaikan bersama.⁶⁰

Mengiktiraf hak pelajar untuk berpolitik tidak bermakna kita menghalalkan unsur-unsur kekerasan di dalam sebarang tindakan yang merugikan mereka sebagaimana ungkapan berikut "Tiap-tiap tunjuk perasaan memerlukan masa yang banyak untuk merancang, membakar hati pesertanya dan mengadakannya. Dan selepas ianya diadakan maka tentulah masa yang panjang juga dikehendaki supaya ketenteraman kembali semula bagi memulihkan suasana pelajaran".⁶¹ Namun sesuai dengan prinsip demokrasi yang dianuti, golongan pelajar perlu diberi kebebasan mengatur dan menyusun suatu golongan penekan (*pressure group*) yang aktif dan bertujuan membawa perubahan positif dalam sistem politik semasa. Sesuatu masyarakat yang demokratik, liberal dan matang seharusnya mengaku dan mengiktiraf hak yang sedemikian. Jika kematangan yang menjadi ukuran untuk berpolitik maka pelajarlah yang lebih berhak kerana sifat sensitifnya terhadap permasalahan masyarakat bukan sahaja melambangkan kematangannya malah akan meningkatkan lagi sifat tersebut.

⁶⁰ *Utusan Malaysia*, 28hb. Mei 1986. m.s 2.

⁶¹ *Penyata Rasmi Parlimen*. 8 April 1975. m.s 4394.

Peranan universiti bukanlah terbatas sebagai gudang ilmu semata-mata, lebih dari itu ia perlu bertindak sebagai acuan membentuk dan melahirkan pemimpin masa depan. Ini bertepatan dengan kenyataan "Fungsi, konsep dan falsafah sesebuah universiti bukan hanya melahirkan golongan intelek dan para ilmuan, tetapi yang lebih penting, universiti adalah satu wadah pembentuk sahsiah seorang pelajar yang mempunyai mutu kepimpinan yang kreatif dan inovatif serta memiliki disiplin dan orientasi kerja yang kukuh dan seterusnya sama-sama membentuk dan membina tamadun bangsa".⁶² Di samping mengakui peranan tersebut, Dr. Mahathir ternyata masih mempertahankan AUKU dengan mendakwa "AUKU tidak akan membantut peranan membentuk inisiatif dan pemikiran progresif untuk melengkapkan diri sebagai pemimpin masa depan."⁶³

"Universiti should produce graduate, combining academic wisdom and practical science, character and profesionalism and having a firm grip on the essential social values ensuring a deep sense of humanity and continuance of our civilization".⁶⁴

Demikianlah antara kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak yang jelas membayangkan betapa pentingnya menghasilkan manusia yang seimbang antara ilmu pengetahuan dan nilai-nilai sosial dan kemanusiaan untuk

⁶² Berita Harian. 14hb. Februari 1985. m.s 10.

⁶³ Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 1975): Soaljawab dengan Menteri Pelajaran [Y.B. Dr. Mahathir bin Mohamad]. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. 1975. m.s 13.

⁶⁴ Farid M. Onn. "Dinamisme Dalam Pengajaran, Penyelidikan dan Pentadbiran Universiti". Simposium Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18hb. - 20hb. Mei 1978. Bangi: UKM. 1982. m.s 70.

meneruskan kesinambungan tamadun yang diwarisi. Universiti perlu mencerminkan sesebuah masyarakat yang diwakilinya jika ia hendak kekal dengan tujuan asasnya. Jikalau universiti terlalu menjarakkan dirinya dari masyarakat luar, sokongan dan keyakinan masyarakat terhadapnya akan berkurangan dari semasa ke semasa.⁶⁵ Memang komunikasi berperanan penting merapatkan jurang antara pemimpin, pentadbir dan masyarakat (pelajar). Peristiwa 22 April 1974 di kampus ITM misalnya adalah manifestasi dari kegagalan proses komunikasi antara kerajaan melalui pihak pentadbir (ITM) dengan pelajar berdasarkan anggapan "pelajar harus menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak perlu diajak berunding dalam soal-soal yang berkaitan dengan politik".⁶⁶

Atas apa alasan sekalipun, AUKU (Pindaan) 1975 masih sukar difahami dalam soal kebebasan mahasiswa melibatkan diri dalam politik. Tindakan kerajaan mengiktiraf cawangan (branch) UMNO di England⁶⁷ yang diterajui oleh pelajar-pelajar Malaysia di sana seolah-olah menganak tirikan penuntut-penuntut dalam negara. Anehnya kerajaan berhasrat menggalakkan pelajar meneruskan pengajian di dalam negeri. Umum mengetahui bahawa penuntut Malaysia di seberang laut bukan sahaja bebas menyertai politik, malah turut

⁶⁵ Dewan Masyarakat. Julai 1970. m.s 16.

⁶⁶ Dewan Masyarakat. Mei 1974. m.s 31. (Peristiwa ini adalah mengenai penawaran kampus ITM berikutan krisis tuntutan pengurusan taraf ijazah kepada lepasan institusi terbabit).

⁶⁷ Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973: m.s 141.

menghadiri sesuatu perjumpaan politik dan mengeluarkan kenyataan tentang sesuatu perkara. Misalnya dalam setiap Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur, pelajar-pelajar luar negeri akan menghantar perwakilan mereka di mana semua pembiayaan ditanggung oleh parti.⁶⁸

3.2.2 Larangan Mengeluarkan Kenyataan Tertentu

Berdasarkan kandungan AUKU (Pindaan) 1975 dan Kaedah Tatatertib Pelajar (1975), terdapat dua seksyen yang berkaitan dengan larangan ke atas pelajar mengeluarkan sesuatu kenyataan iaitu:

1. Seksyen 13, Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan ke atas pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar berkaitan rayuan-rayuan sama ada secara lisan ataupun bertulis.
2. Seksyen 15 (3) dan (4), AUKU (Pindaan) 1975 - larangan terhadap pelajar, kumpulan pelajar, pertubuhan atau badan pelajar supaya tidak membuat sesuatu kenyataan yang boleh ditafsirkan mana-mana pihak sebagai menyokong, simpati atau menentang sesuatu parti politik, kesatuan sekerja dan sebagainya atau lain-lain badan atau pertubuhan haram.

⁶⁸ Sanusi Osman. "Kenapa AUKU Ditentang?". Kertas-Kertas Seminar Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 27hb. Februari - 1hb. Mac 1987. Bangi: Seminar AUKU. 1987. m.s 6-7.

Di dalam Bahagian II, Perkara 10 (Fasal 1) Perlembagaan Persekutuan jelas menyebut bahawa tiap-tiap warganegara adalah bebas bercakap, mengeluarkan fikiran, berhimpun secara aman dengan tanpa senjata dan bebas menubuhkan persatuan.⁶⁹ Pelajar dalam hal ini telah dikecualikan daripada menikmati keistimewaan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui seksyen-seksyen dalam AUKU di atas. Alasan yang diberikan juga nampaknya amat mudah iaitu:

"However, experience during May 1969, showed that freedom of speech has been exercised without discipline and responsibility and without due regard to sensitivities in a multi-racial society."⁷⁰

Rasanya tidak patut menghukum golongan pelajar sedemikian rupa sedangkan realiti Peristiwa 1969 adalah hasil kesilapan pelbagai pihak. Secara tidak langsung dengan wujudnya AUKU, semua bebanan masa lalu harus dipikul oleh golongan pelajar sahaja dan pada masa yang sama golongan lain boleh 'mencuci tangan' dengan mudah. Jika ada yang ingin 'bertanya' tentang sesuatu perkara yang kurang jelas maka tindakan akan dikenakan sebagai "ganjaran" di atas keceluparannya. Kenyataan seperti "Aliran deplores the

⁶⁹ *Federal Constitution: As at 25 April 1993*. Kuala Lumpur: International Law Book Services (ILBS). 1993. m.s 6.

⁷⁰ Mohd. Daud bin Abdul Rahman. *Towards National Harmony*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Kerajaan. 1971. m.s 3.

statement by Deputy Education Minister, Datuk Khalil Yaacob, that action would be taken against Malaysian students abroad who criticise government policies"⁷¹ menggambarkan betapa zalimnya kerajaan tanpa mengambil kira kebenaran di sebalik perkara tersebut. Pada masa yang sama saranan agar pelajar terus menegur pucuk pimpinan agar mereka tidak terkeluar dari batas-batas yang dibenarkan menyerlahkan sikap pemimpin yang masih bermain tarik tali dalam hal ini. Hakikatnya peranan pelajar sebagai kumpulan pendesak yang pada satu tahap menjadi "hakim dan pemerhati" terhadap segala bentuk penyelewengan dan penindasan terus terkubur.

Mungkin ungkapan 'Tradisi Mencabar' ⁷² agak janggal kepada golongan pelajar tetapi "Tradisi Membela" sudah menjadi prinsip kepada perjuangan mahasiswa menegakkan keadilan. Mungkin tradisi inilah yang amat tidak disenangi dan ditakuti oleh banyak pihak sehingga membawa kepada proses "melumpuhkan" golongan pelajar

"The are two main reasons why many government leaders adopt such a negative attitude towards student criticism of government policies. ... These leaders fail to realize that the process of becoming educated is also a process of developing one's critical faculties. This means that as students become more knowledgeable and more conscious, they are bound to become more critical of the existing social system. It is inhuman to punish individual for becoming more sensitive to his environment"⁷³

⁷¹ Chandra Muzaffar. *Issues Of The Mahathir Years*. P. Pinang: Aliran Kesedaran Negara (Aliran). 1988. m.s 29.

⁷² Lihat dalam Muhammad Abu Bakar. *Mahasiswa Menggugat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1973. m.s 11.

⁷³ Op. cit. Chandra Muzaffar. m.s 30.

Menyedari bukan kaki dan tangan mereka sahaja yang dirantai, malah hak bersuara juga turut dinafikan, Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) melalui Kongres Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia telah bertindak tegas mendesak Kementerian Pendidikan meminda AUKU terutama seksyen 15 (A, B dan C), 16 (B, C dan D), 48 dan 49, Bahagian Tatatertib Am dan Tatatertib Asrama.⁷⁴ Namun ia tetap tidak lebih dari janji-janji politik yang terus tenggelam dengan masa. Pada masa yang sama, pelajar-pelajar di luar negeri terus bebas menyuarakan pendapat dan pendirian mereka tanpa apa-apa sekatan dan tindakan dari kerajaan.⁷⁵

Dari segi tujuan terhadap larangan mengeluarkan kenyataan tertentu ini juga menimbulkan tanda tanya memandangkan golongan pelajar itu sendiri seharusnya adalah golongan yang *neutral* lantaran tidak terikat dengan mana-mana parti ataupun ideologi politik. Ianya digambarkan melalui tema "Belia Bertindak Terus Untuk Keadilan" pada Minggu Belia 1974 menyaksikan Presiden ABIM, Anwar Ibrahim mengulas bahawa keadilan yang dimaksudkan ialah usaha-usaha untuk mewujudkan suatu masyarakat yang bebas dari segala penyakit keruntuhan moral, kezaliman, rasuah riba dan segala bentuk

⁷⁴ *Utusan Malaysia*, 10hb. Julai 1989, m.s 8.

⁷⁵ Samaruddin Rejab, *Malaysia dan Isu-Isu Semasa*, Selangor: Penerbitan Alam Makmur, 1986, m.s 78. Di dalamnya disertakan kenyataan perwakilan Kelab Pergerakan UMNO di United Kingdom menyokong penuh Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sokongan ke atas kenyataan Dato' Musa Hitam berhubung dengan penghantaran pelajar-pelajar Malaysia ke luar negeri.

penindasan dalam masyarakat.⁷⁶ Kebenaran ini tambah menyakinkan kita bahawa persoalan-persoalan yang menjadi teras perjuangan pelajar adalah menjurus kepada kesejahteraan dan keadilan masyarakat tanpa didalangi oleh sentimen kepartian atau kepentingan sampingan lain.

Kebebasan bersuara juga dipandang serius dalam dalam Islam. Malah Islam menganggap ianya suatu yang mesti bergantung kepada tujuannya yang diharuskan.

" Tujuan yang baik dan niat yang ikhlas. Hak kebebasan bersuara haruslah digunakan untuk mencari kebenaran dan kemasyhahatan masyarakat, menegur untuk kepentingan Islam, menasihati pemimpin dan orang ramai sesuai dengan perintah Allah" ⁷⁷

" Kebebasan bersuara atau mengeluarkan pendapat dalam Islam bukan setakat boleh atau tidak, tetapi ia sampai ke tahap wajib yang digalakkan dan diperintah" ⁷⁸

Sesungguhnya pelaksanaan AUKU telah berjaya membendung kegiatan yang bersifat politik mahasiswa seperti pilihanraya kampus yang semakin malap kerana beranggapan tidak guna menjadi pemimpin jika tidak boleh

⁷⁶ Dewan Masyarakat. Jun 1974. m.s 18.

⁷⁷ Noraini binti Ismail. "Kebebasan Rakyat Dalam Sistem Demokrasi di Malaysia. Satu Kajian Dari Perspektif Islam". Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 1995. m.s 108.

⁷⁸ Ibid. Noraini binti Ismail. m.s 96.

bersuara.⁷⁹ Golongan pelajar harus kembali memperjuangkan idealisme demi keadilan, kebenaran, kebebasan dan perpaduan.

3. 2. 3 Larangan Menerbitkan Risalah

1. Seksyen 6 (1), Kaedah Tataertib Pelajar (1975) - sekatan menggunakan teks kuliah atau pengajaran lain untuk sesuatu tujuan penerbitan, pembahagian atau pengedaran.

2. Seksyen 10, Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan ke atas pelajar atau kumpulan pelajar, pertubuhan atau badan pelajar dari menerbit atau mengedar dokumen-dokumen di dalam atau di luar kampus.

Semua ini mengingatkan kepada peristiwa kontroversi membabitkan penuntut-penuntut universiti dalam pengedaran surat yang ditulis oleh Dr. Mahathir kepada Tunku beserta lima dokumen lain yang antaranya ditulis oleh Raja Makharuddin Dazin bertajuk *Perutusan Kepada Bangsa Melayu* yang kemudiannya diharamkan.⁸⁰ Paling tidak inilah yang menyakinkan kerajaan bahawa tindakan menerbit atau mengedar risalah atau dokumen boleh membahayakan kerajaan.

⁷⁹ Berita Harian, 10hb. Julai 1984, m.s 2.

⁸⁰ R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politics And Government In Malaysia*. Singapore: Federal Publications (S) Pte Ltd. 1978, m.s 86-87.

Suatu yang harus diakui ialah kebebasan pelajar untuk menerbitkan risalah atau dokumen tidaklah terhalang sepenuhnya di bawah AUKU atau Kaedah Tatatertib Pelajar. Ini terbukti dengan adanya majalah rasmi pelajar (*Suara Siswa*), bertukar-tukar hasil kajian untuk perbincangan dan sebagainya. Cuma yang nyata di sini ialah kecenderungan minat dan tema perjuangan pelajar hari ini lebih berkisar kepada hal-hal kebajikan mereka tanpa prihatin terhadap persekitaran dan isu-isu semasa.⁸¹ Mungkin mereka merasakan cara ini lebih selamat demi masa depan.

Adalah tidak mungkin kerajaan akan menghapuskan AUKU tetapi meminda kandungannya adalah suatu yang diharapkan oleh banyak pihak di negara ini. Larangan yang begitu ketat kadang kala ditakuti akan mendorong golongan ini mencari *establishment* (pengiktirafan) di luar batas demokrasi melalui kaedah *political blackmail* dan *political violence* (kekerasan politik). Sebaliknya penglibatan secara lebih positif dalam politik akan membantu perkembangan akal yang mampu membentuk sikap tanggungjawab sosial di dalam diri pelajar. Tanggungjawab sosial inilah yang akan menentukan kepimpinan negara masa depan.

⁸¹ *Berita Harian*, 10hb. Julai 1989, m.s 2.

3. 2. 4 Larangan Memungut Wang

Larangan memungut wang ini hanya terdapat dalam seksyen 15A (1) dan (2), Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 - pelajar, kumpulan pelajar, pertubuhan atau badan pelajar adalah ditegah memungut wang atau lain-lain harta yang sekiranya dilakukan boleh dikenakan hukuman berupa denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pada dasarnya larangan memungut wang ini dikira sedikit wajar berbanding dengan soal kebebasan menyertai politik, kebebasan bersuara dan menerbitkan risalah atau dokumen kerana ianya tidaklah terlalu bertentangan dengan hak asasi manusia sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan. Namun larangan ini secara tidak langsung akan turut mengongkong dan membantutkan kegiatan pelajar-pelajar baik secara individu ataupun berkumpulan (pertubuhan dsb.).

Manakala pelaksanaan terhadap larangan ini tidaklah setegas yang dimaksudkan. Mungkin ini ada kaitannya dengan arahan Anwar Ibrahim yang mahu semua naib-canselor menggunakan budi bicara masing-masing untuk melonggarkan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti mahasiswa dan kebebasan akademik mereka sehingga tidak menjaskan matlamat untuk melahirkan

pemimpin masa depan yang bertanggungjawab.⁸² Justeru itu, mahasiswa dalam kegiatan mereka masih lagi mendapat sumbangan atau tajaan dari orang perseorangan, pertubuhan, syarikat dan juga agensi-agensi kerajaan.

3. 2. 5 Larangan-Larangan Am

1. Seksyen 12, Kaedah Tatatertib Pelajar (1975) - larangan mengambil bahagian dalam apa-apa pekerjaan sama ada secara sepenuh masa atau sambilan.

2. Seksyen 15B (1), AUKU (Pindaan) 1975 - tanggungan jenayah terhadap pemegang-pemegang jawatan atau selainnya dalam mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

3. Seksyen 23, Kaedah tatatertib Pelajar (1975) - kesalahan tatatertib jika sabit kesalahan enggan mematuhi atau melanggar sesuatu arahan pegawai atau kakitangan universiti.

Tidak dapat dinafikan bahawa masih ramai mahasiswa yang melibatkan diri dengan pekerjaan di luar kampus. Berdasarkan temubual secara rambang dengan tiga puluh orang penuntut Universiti Malaya,⁸³ tujuh orang daripadanya

⁸² *Mingguan Malaysia*. 25hb. Mei 1986. m. s 1.

⁸³ Temubual ini adalah secara rambang dan dilakukan secara informal untuk mendapat gambaran tentang penglibatan mahasiswa dengan pekerjaan di luar kampus semasa masih menuntut di universiti.

atau 23.3 peratus mengaku sama ada pernah atau masih bekerja di luar kampus secara sambilan semasa masih menuntut. Antara alasan yang diberikan bukanlah semata-mata untuk mencari pengalaman tetapi untuk menampung perbelanjaan harian.

Berkaitan dengan kesalahan tatatertib pula, masih banyak yang boleh dipersoalkan. Ini termasuklah dari segi kesahihan sesuatu hukuman, keadilan perbicaraan dan kesesuaian prosedur-prosedur yang diterima pakai dalam bahagian ini. Misalnya tindakan terhadap pelajar-pelajar yang menghadapi tuduhan jenayah adalah dinyatakan seperti di bawah:

"Jika seseorang pelajar universiti dipertuduhkan atas suatu kesalahan jenayah maka ia hendaklah dengan itu serta merta digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti dan ia tidak boleh dalam masa menunggu keputusan perbicaraan jenayah itu, tinggal atau masuk dalam Kampus Universiti itu atau Kampus mana-mana Universiti lain"⁸⁴

Berdasarkan petikan teks di atas, nyata bahawa universiti tidak perlu menunggu keputusan dari mana-mana pihak berkuasa terhadap sebarang sebarang kes yang telah dituduh ke atas seseorang pelajar. Asalkan seseorang pelajar menghadapi tuduhan jenayah maka 'hukuman' akan serta merta dijatuhkan. Ini sudah tentulah tidak adil kerana pelajar tersebut belum lagi dibuktikan kesalahannya dalam suatu perbicaraan yang sah sebagaimana

⁸⁴ *Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan)* 1975, Seksyen 15D (1).

sepautnya. Kepincangan situasi ini lebih jelas lagi jika dilihat dalam konteks prinsip undang-undang jenayah di mana seseorang itu dianggap sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya.

Seterusnya yang menarik untuk diperhatikan ialah berkenaan dengan perjalanan sesuatu perbicaraan tatatertib. Terdapat prinsip-prinsip asas yang perlu diberi keutamaan dalam pengendalian sesuatu perbicaraan iaitu:⁸⁵

1. Kaedah *audi alteram partem*, iaitu kaedah perbicaraan yang menetapkan bahawa tidak seorang pun insan yang dapat disalahkan serta dihukum tanpa perbicaraan dan pendengaran sewajarnya.
2. Kaedah *memo judex in causa sua*, iaitu kaedah yang menentang bias atau prasangka dalam sesuatu perbicaraan.

Sudah pasti sukar menentukan faktor bias atau prasangka dalam sesuatu perbicaraan kes tatatertib selagi pihak universiti bertindak sebagai pendakwa dan pada masa yang sama memainkan peranan sebagai juri yang akan memutuskan sesuatu hukuman. Manakala di pihak pelajar pula pasti wujud tekanan untuk menghadapi sesuatu perbicaraan yang diragui pengadilannya.

⁸⁵ Rohani Abd. Rahim *et al. Hak Dan Tanggungjawab Akta Universiti dan Kolej Universiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1992. m.s 69.

Sama ada benar-benar bersalah ataupun tidak, keputusan universiti untuk mendakwa seseorang pelajar itu sedikit sebanyak sudah memberi gambaran jelas bahawa universiti mempunyai tanggapan yang kurang baik terhadap tertuduh. Semua ini menambah kegelisahan seseorang pelajar yang dia tidak mungkin mendapat pembelaan sewajarnya nanti.